

>> Ada parti politik hanya guna pengaruh artis untuk dapat sokongan

Selebriti hanya penyeri

■ Anak seni belum capai tahap ilmu politik matang untuk jadi wakil rakyat

Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Golongan selebriti di Malaysia masih belum bersedia, layak dan boleh diterima masyarakat khususnya peminat untuk menceburi bidang politik di negara ini.

Penganalisis politik di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain berkata, pembabitan artis dalam politik negara biarpun berlaku, hanya sebagai penyeri dan bukan menjadi watak utama.

Menurutnya, walaupun ahli politik dan artis masing-masing mempunyai pengaruh kepada rakyat, 'ekosistem' kedua-dua individu itu jauh berbeza dan sukar untuk berada duduk bersama.

"Sebab utama adalah rakyat kita masih belum bersedia untuk melihat artis pujaan mereka cenderung kepada mana-mana parti politik walaupun meminati personaliti dan lakonan atau nyanyian mereka.

"Kedua, anak seni kita be-

lum mencapai tahap ilmu politik yang matang dan kepimpinan yang tinggi untuk diangkat sebagai wakil rakyat. Latar belakang pendidikan mereka juga sederhana.

"Mereka tidak boleh harapkan populariti dengan mempunyai ratusan ribu atau jutaan followers sahaja kerana bidang politik dan selebriti ini 'ekosistemnya' sangat berbeza," katanya.

Baru-baru ini, timbul khabar angin penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza turut disenaraikan sebagai calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih mewakili Pakatan Harapan (PH) pada 2 Mac depan.

Timbalan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Datuk Seri Mukhriz Mahathir, bagaimanapun menafikan kewujudan khabar angin terbabit.

Siti Nurhaliza sebelum ini pernah menyatakan pendiriannya yang tidak berhasrat menyertai politik meskipun

minatnyanya kini terarah kepada aktiviti kemasyarakatan.

Harian Metro baru-baru ini melaporkan, vokalis kumpulan Wings, Datuk Awie, 51, pernah ditawarkan jawatan dalam sebuah parti politik suatu ketika dulu sebelum beliau memutuskan untuk tidak menceburinya.

Pembabitan pertama artis pada pilihan raya adalah menerusi Abu Bakar Ellah yang bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuamut, Sabah sebagai calon Bebas dalam saingan lima penjurua pada Pilihan Raya Umum Ke-11 (PRU-11).

Seterusnya, tiga calon artis mencuba nasib pada PRU-13 termasuk Herman Tino yang bertanding atas tiket Bebas di Parlimen Tanjung Karang, Dayangku Intan (PKR - Parlimen Penggerang, Johor) dan Aishah (PAS - Parlimen Jempol, Negeri Sembilan).

Bagaimanapun, perjalanan politik semua anak seni itu gagal mendapat tempat dalam pentas politik demokrasi

tanah air.

Allahyarham Senator Tan Sri Jins Shamsudin yang meninggal dunia 1 Mac 2017 adalah satu-satunya anak seni yang diangkat sebagai Ahli Jawatankuasa Penaja UMNO Cawangan Coronation Road, Singapura pada 1959 dan dilantik sebagai Senator pada 13 Oktober 2004.

Mengulas lanjut, Mohd Izani berkata, ketiadaan jentera dan pengikut politik juga menjadi masalah besar kepada artis selain kemungkinan tidak diterima ahli senior dalam parti.

"Nak jadi calon wakil rakyat, kena ada semua itu yang kekuatan utama mereka dan bukanlah diukur berdasarkan pengaruh peminat semata-mata.

"Isu lain, adakah kehadiran artis itu diterima ahli parti akar umbi yang lebih awal berjuang untuk menjadi 'orang kanan' berbanding artis yang dilihat seolah-olah menggunakan pengaruh mereka sebagai jalan pintas?"

"Sebelum ini kita lihat ada parti politik hanya menggunakan pengaruh artis semata-mata untuk mendapatkan sokongan.

"Saya tak nampak parti politik yang betul-betul boleh mengangkat artis ini sebagai pemimpin atau wakil rakyat," katanya.

Katanya, adalah lebih baik artis Malaysia hanya kekal berada di pentas mereka dan tidak perlu mencontohi artis Barat yang mempunyai tahap pendidikan lebih tinggi berbanding kebanyakan artis Malaysia.

"Artis di Amerika Syarikat mereka ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah Doktor Falsafah (PhD) sebab itu mereka ada substance (kelayakan) dan boleh bercakap politik secara matang.

"Mereka boleh membawa gaya politik yang matang lebih terbuka dan tidak terlalu beremosi seperti ketika dalam dunia artis," katanya habis

"Mereka tidak boleh harapkan populariti dengan mempunyai jutaan followers sahaja Dr Mohd Izani"

